

05/06/2003

Tiga penyedia kredit mikro diarah segera beri pinjaman

Hassan Omar

BANGI: Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed mengarahkan tiga institusi kewangan yang menyediakan Skim

Kredit Mikro kepada peniaga kecil mengikut Pakej Strategi Baru segera memberikan pinjaman itu.

Ia bertujuan membolehkan kesan positif pakej itu dilihat dalam tempoh terdekat, sekali gus mempercepat penjanaaan pertumbuhan ekonomi negara yang terjejas akibat perang di Iraq dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Katanya, Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Nasional (BSN) serta Bank Pembangunan Infrastruktur dan Industri harus segera menyalurkan dana kemudahan kredit mikro sebanyak RM1 bilion itu kepada peniaga kecil bagi membolehkan mereka memperluas perniagaan.

"Jika mereka lewat memberikannya, kesan Pakej Strategi Baru juga akan lewat dilihat. Pakej ini memerlukan sedikit masa lagi untuk kita melihat kesannya tetapi saya rasa ia mampu dilihat dalam tempoh terdekat ini," katanya di sini semalam.

Sebelum itu, beliau membentangkan kertas kerja 'Kesan Globalisasi Terhadap Ekonomi Negara' pada Seminar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Institut Latihan Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan di sini.

Seminar tiga hari bermula Isnin lalu itu dihadiri kira-kira 300 pemimpin MPP dari seluruh negara. Ia dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin.

Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei lalu. Antara lain, ia membabitkan peruntukan RM1 bilion untuk kemudahan kredit mikro kepada peniaga kecil yang sukar mendapat pinjaman pembiayaan sehingga ada yang terpaksa mendapatkan khidmat ceti haram.

Menerusi skim kredit mikro itu, peniaga kecil boleh mendapat pinjaman dengan syarat dipermudahkan, tanpa cagaran dan kadar faedah hanya empat peratus manakala pembayaran dijadualkan mengikut penerimaan aliran tunai yang berdaya maju.

Terdahulu, ketika berdialog dengan pemimpin MPP IPTA, Mustapa berkata, meskipun kerajaan merancang pelbagai strategi pembangunan ekonomi, negara tetap tertakluk kepada perkembangan semasa dunia.

Peristiwa 11 September 2001, pengeboman di Bali, Indonesia, perang di Iraq dan wabak SARS menyebabkan ekonomi negara turut terjejas.

Bagaimanapun, katanya, MTEN yang ditubuhkan pada 7 Januari 1998 sebagai badan perunding kerajaan bagi mengatasi krisis ekonomi 1997, akan terus merangka strategi pemulihan ekonomi dan menyediakan asas ekonomi yang kukuh bagi pertumbuhan masa depan negara.